


PENGURUSAN AM



“KECEMERLANGAN KURIKULUM DIDAHULUKAN PENGURUSAN BERKESAN DIUTAMAKAN”

LENCANA SEKOLAH



zaman Yunani dahulu.

Rekabentuk lencana direkacipta berdasarkan sebuah perisai yang melambangkan kesatuan dan perpaduan. Bangunan arca merupakan rekabentuk `Moorish dan dua batang tiang di kiri kanan arca melambangkan kekuatan dan keteguhan. Ia juga adalah rekabentuk asal pada bahagian pintu hadapan dewan sekolah. Obor melambangkan sinar yang memberi cahaya yang tidak kunjung padam kepada pelajar-pelajar Sekolah Tinggi Muar khasnya dan masyarakat sekeliling amnya. Lingkaran daun zaiton melambangkan kejayaan seperti yang kerap digunakan pada

Rekabentuk lencana mempunyai warna biru, merah dan putih.

Warna Biru : Melambangkan kemesraan, perpaduan dan kerjasama pelajar-pelajar.

Warna Merah : Melambangkan keberanian serta kegigihan untuk menjadi manusia yang berpendidikan.

Warna Putih : Melambangkan bersih, kejujuran, kesejahteraan dan keharmonian yang menjadi amalan pelajar sekolah ini.

Cogan Kata Sekolah : USAHA BUKAN KATA (DEEDS NOT WORDS)

Cogankata sekolah ini memberi gambaran bahawa pendidikan perlunya menyeluruh ke arah keunggulan akademik, kokurikulum dan akhlak, melalui usaha yang bersungguh-sungguh, bukan setakat kata-kata sahaja. Kejayaan seseorang bergantung kepada usaha dan ikhtiar untuk mencapainya. Kata-kata, ucapan dan ikrar, tidak akan bermakna tanpa disusuli oleh tindakan untuk menjayakannya. Kita perlu rajin bekerja dan sentiasa mempertingkatkan usaha serta mengurangkan bicara agar segala program akan mencapai matlamatnya. Oleh itu, komuniti sekolah berusaha secara inovatif, kreatif dan progresif selaras dengan perkembangan potensi individu yang mampu mendokong wawasan pendidikan negara dan melahirkan generasi yang berilmu, berdaya juang dan berhemah tinggi. Kejayaan bukan melalui kata-kata tetapi melalui usaha

VISI | MISI SEKOLAH TINGGI MUAR

Visi

*HSM: Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara
Sejahtera*

Misi

*HSM: Melestarikan Sistem Pendidikan Yang Berkualiti
Untuk Membangunkan Potensi Individu
Bagi Memenuhi Aspirasi Negara*

OBJEKTIF, PIAGAM PELANGGAN DAN BUDAYA SEKOLAH TINGGI MUAR

Objektif Sekolah Tinggi Muar

1. Menjadi sekolah terbaik di Daerah Muar, pengiktirafan 10 sekolah terbaik di Negeri Johor, pengiktirafan sekolah kluster kecemerlangan dan pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT).
2. Pengurusan kurikulum yang berkualiti berdasarkan standard Sistem Pengurusan Sekolah Kualiti (SPSK).
3. Menjana kepimpinan murid dan sahsiah murid unggul sepanjang masa.
4. Menjuarai aktiviti kokurikulum pada peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
5. Menyediakan sistem pengurusan dan pentadbiran pendidikan yang cekap dan efektif berlandaskan ciri kepimpinan yang dinamik dan berinovatif.

Piagam Pelanggan:

Kami warga Sekolah Tinggi Muar dengan penuh tekad dan iltizam berikrar dan berjanji akan menumpukan tenaga dan usaha kami untuk;

1. Membimbing murid membentuk sahsiah yang mulia melalui pemupukan penghayatan dan amalan nilai-nilai murni berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
2. Mendidik murid untuk menghasilkan tenaga manusia yang produktif dan berinovatif, berdaya juang dan berketrampilan dalam pelbagai bidang ke arah pembangunan negara.
3. Mewujudkan iklim sekolah yang bersih, menarik dan harmoni.
4. Membimbing murid ke arah kecemerlangan akademik dan kokurikulum untuk menjadikan sekolah ini antara yang terbaik.
5. Bersedia menerima dan melayan pelanggan tempatan yang berurusan dengan sekolah.

Budaya Sekolah Tinggi Muar



SEMANGAT SEKOLAH TINGGI MUAR

Semangat Sekolah Tinggi Muar

The Eager Eagle: Soaring To Height Of Glory

Enduring Challenges	Tabah Menghadapi cabaran <ol style="list-style-type: none"> 1. Memupuk keazaman dan pengorbanan 2. Kecekalan dan ketekunan laksana kerja 3. Daya saing dan kesabaran yang tinggi
Aiming Courageously	Fokus Dalam Setiap Tindakan <ol style="list-style-type: none"> 1. Kecemerlangan Akademik Didahulukan, Pendidikan Berkualiti Diutamakan 2. Kecemerlangan Kokurikulum Berterusan 3. Kecemerlangan Sahsiah Pelajar



Glorifying Each Moment	Menjuarai Setiap Masa 1. Terbaik Antara Yang Terbaik 2. Mengungguli Semua Kejuaaran 3. Terus Cemerlang, Gemilang Dan Terbilang
Leading The Future	Memimpin Masa Depan 1. Kami Pemimpin Masa Depan 2. Kepimpinan Pendidikan Berkualiti 3. Menerajui Generasi Baru
Eagerly Soaring To Victory	Berkobar-kobar Mencapai Kegemilangan 1. Menggapai Impian Cemerlang 2. Cekal Berusaha Tanpa Jemu 3. Menjulung Kegemilangan Hakiki

PRINSIP KERJA PENGETUA SEKOLAH TINGGI MUAR

H	Highly Spirited	Semangat juang yang tinggi
S	Sustain Excellence, Build Legacy	Mengekalkan kecemerlangan berterusan dan meneruskan legasi
M	Mould of the Scholar, Sportmans and Gentlemen	Membentuk cendikiawan, olahragawan dan budiman.

PRINSIP KERJA PENGARAH PENDIDIKAN JOHOR (JOHOR LEADS)



L	Lead the Change	HSM: Menerajui Perubahan
E	Enhance Resilience	HSM: Mengutamakan Kecekapan Dan Penambahbaikan
A	Accelarate Excellence Through Innovations	"USAHA BUKAN KATA" – Pemangkin Kepada Inovasi dan Kreativiti Pendidikan.
D	Develop First-Rate School Culture	HSM: "Mould of a Scholar, Sportman and Gentlemen"
S	Sustain Success, Build Legacy	HSM: Mengekalkan Kecemerlangan Berterusan, Membangun Legasi


PRINSIP KERJA PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH MUAR (MUAR NUMBER ONE)

- M** Mastering knowledge and skill
- U** Upholding moral values
- A** Accountability and loyalty to the organisation.
- R** Readiness to think hard and work smart.
- N** Nurture the system
- U** Unite and work together as a team
- M** Manage and lead changes
- B** Brave the risk, do the best.
- E** Empowerment and mould future leaders
- R** Resilience and competitive



- O** Optimistis
- N** Navigate
- E** Excellence

PRINSIP KERJA KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA (X-PLUS)



MODEL PERANCANGAN KECEMERLANGAN SEKOLAH TINGGI MUAR 2014



Strategik	Kepimpinan Pengurusan Pendidikan Yang Berkualiti	Manusia Yang Berkualiti Dari Segi Keilmuan, Kemahiran Dan Sahsiah	Berkualiti Yang Dapat Memenuhi Keperluan Global	Cemerlang Dalam Pentaksiran Dan Penilaian	n Pendidikan Yang Berkualiti	Pengurusan Yang Cekap Berkesan Dan Berinovatif
Inisiatif (enablers)	Semua Program Strategik yang melibatkan Kurikulum, HEM, Kokurikulum dan Prauniversiti sebagai KPI Pengetua Sekolah Tinggi Muar			Semua Inisiatif Pengetua Sekolah Tinggi Menerusi Budaya Sekolah, semangat "The Eager Eagle", Johor Leads, Muar Number One dan X-PLUS		
Rakan Kongsi	KPM, JPN, PPD, MPSM, MGB, PIBG, KSIB, ALUMNI, NGO					
Pelaksana	Pengetua, Semua Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Kanan Mata Pelajaran, Guru Cemerlang, Guru Akademik Dan Kakitangan Sokongan					
Pengawal	Mesyuarat Tertinggi Pengurusan Sekolah, Jawatankuasa Pengurusan Program (Semua Jawatankuasa Pelaksana Program Pembangunan Sekolah)					

LAGU SEKOLAH

Berjuang	School Rally
Berjuang penuh tenaga Sepanjang masa berjasa Dari muda sampai ke tua Biar ribut taufan gelora CHORUS: Untuk sekolah dikasihi Sekolah Tinggi Bandar Maharani Segala kudrat ditumpahi Kasih sekolah abadi Ceruk rantau seluruh negara Bekas murid bertaburan Berkhidmat untuk negara Masyhur nama didoakan	<i>Let us strive with heart and song, Now and through the ages long, In the calm and in the storm While our hearts are young and warm</i> CHORUS: <i>For the school our best endeavour, High School beloved ever, For the school our best endeavour, Muar High School beloved forever, Wherever we roam, on land or sea, Will our school remembered be, And her sons the fame will tell, Of the school they loved so well</i>

Ciptaan Miss Belly Milne, Penguasa English Preparatory School 1928.

LOGO KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (MINISTRY OF EDUCATION)

Logo ini direka menggunakan huruf 'Alif' sebagai konsep teras. Pendekatan menggunakan huruf atau typography adalah berdasarkan pengertian bahawa manusia yang pada masa hidupnya, berada pada jalan yang lurus sebagaimana huruf 'Alif' itu. Alif juga membawa pengertian ILMU kerana Allah mengangkat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu dengan beberapa darjat. Ilmu juga di klasifikasikan sebagai pengetahuan atau kepandaian yang merangkumi semua bidang yakni duniawi mahupun ukhrawi. Ilmu juga di takrifkan sebagai pemindahan roh atau jiwa daripada kegelapan kepada kecerahan dan sebagai suatu kebenaran dan keyakinan. Logo ini menggunakan dua 'P' dan dua 'Alif' melambangkan dua peringkat pendidikan iaitu Sistem Sekolah dan Sistem Pengajian Tinggi. Huruf 'P' yang bertingkat kearah Alif melambangkan tahap-tahap kecemerlangan pendidikan Malaysia. Bentuk Bulat melambangkan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang bersifat global. Dari segi warna, Biru bermaksud profesionalisma dalam sistem pendidikan negara. Kuning keemasan melambangkan kecemerlangan. Putih melambangkan

sistem pendidikan yang bermutu tinggi dan membentuk insan yang berkualiti dan berilmu mulia.

Rekabentuk oleh :
Prof. Dato' Dr Ahmad Zainuddin & Mohd Faizal Ahmad
(Majlis Rekabentuk Malaysia)

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PPPM) (2013 - 2025)


Menyasarkan hasil kepada **LIMA ASPIRASI SISTEM PENDIDIKAN** iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan selain pembangunan pelajar yang memiliki **ENAM ASPIRASI MURID** untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat global iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran diwibahasa, beretika dan kerohanian, serta beridentiti nasional.

Sembilan Bidang Keberhasilan Utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan

1. Memartabatkan profesion perguruan
2. Meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah
3. Meningkatkan kualiti sekolah
4. Memantapkan kualiti kurikulum dan pentaksiran
5. Meningkatkan penguasaan pelbagai bahasa
6. Mengukuhkan penglibatan ibu bapa, sektor swasta dan masyarakat sebagai rakan kongsi dalam pendidikan
7. Meningkatkan kesediaan murid untuk merebut peluang dalam pendidikan tinggi dan pasaran kerja
8. Memperbaiki kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber
9. Membina kemampuan serta keupayaan sistem penyampaian pendidikan.

11 Anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

1. Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.
2. Memastikan setiap murid profisien dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.
3. Melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai.
4. Transformasi keguruan sebagai profesion pilihan.
5. Memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah.
6. Mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan.
7. Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.
8. Transformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian pendidikan.
9. Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.
10. Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit.
11. Meningkatkan ketelusan akauntabiliti awam



DASAR SEKOLAH

1. Melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan lain-lain rancangan yang ditetapkan oleh kerajaan dengan cemerlang, dengan penuh kesedaran, rasa tanggungjawab dan dedikasi.
2. Meletakkan kepentingan pelajar-pelajar mengatasi kepentingan diri sendiri.
3. Mengamalkan cita-cita dan prinsip Rukunegara dan perkhidmatan cemerlang.
4. Memberikan kerjasama yang erat dengan Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan.
5. Mengadakan hubungan yang baik dengan jabatan-jabatan atau badan-badan lain.
6. Mengadakan hubungan yang rapat dengan ibubapa atau penjaga dan masyarakat tempatan.
7. Membina semangat kekitaan dengan bekerja dalam satu pasukan yang padu dan kuat berdasarkan kepada semangat kekeluargaan.
8. Memberi galakkan dan kesempatan kepada guru-guru menyediakan tugas-tugas sekolah sebagai latihan kepada sifat-sifat kepimpinan mereka yang berkesan dan dinamis.
9. Mengamalkan kerja-kerja yang sistematik dan kemaskini.
10. Segala masalah sekolah ialah masalah bersama.



DASAR KUALITI PENGURUSAN SEKOLAH

SEKOLAH TINGGI MUAR komited untuk menyediakan dan melaksanakan Pengajaran & Pembelajaran yang berkualiti bagi memenuhi keperluan pelanggan. Adalah menjadi komitmen pihak pengurusan dan semua anggota untuk mematuhi keperluan-keperluan SPSK dan meningkatkan keberkesanannya secara berterusan.

Bagi memastikan tujuan ini, Dasar Kualiti berserta dengan objektifnya disemak semula semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan untuk memastikan kesesuaiannya yang berterusan. Dasar Kualiti ini disebar luas kepada seluruh anggota **SEKOLAH TINGGI MUAR** melalui media cetak, taklimat pengurusan dan papan kenyataan untuk difahami dan dihayati.

OBJEKTIF KUALITI PENGURUSAN SEKOLAH

1	Melaksanakan 100% Pengajaran & Pembelajaran berdasarkan Rancangan Pelajaran Tahunan kecuali berlaku perkara-parkara yang di luar kawalan SEKOLAH TINGGI MUAR
2	Memastikan pencapaian murid SEKOLAH TINGGI MUAR mencapai 100% lulus keseluruhan atau peningkatan kualiti sebanyak 5 % dari tahun sebelumnya dalam peperiksaan Pertengahan Tahun, Akhir Tahun/PMR/SPM/STPM
3	Memastikan 100 % murid di SEKOLAH TINGGI MUAR mendapat Perkhidmatan Bimbingan dalam Kemahiran Belajar, Pembangunan Diri Murid, Motivasi dan Kerjaya, melainkan berlaku perkara-perkara yang di luar kawalan sekolah
4	100 % aduan dan maklum balas pelanggan akan dilayan sebagaimana yang dinyatakan dalam Prosedur Kualiti Aduan Pelanggan
5	Melaksanakan Pengurusan Kewangan Tanpa Teguran Audit

SASARAN KERJA UTAMA 2014 – SEKOLAH TINGGI MUAR



BIDANG	SASARAN
2.0 KURIKULUM (PEPERIKSAAN AWAM)	
2.1 Sasaran Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR)- PBS	i. 30% band 6 ii. 50% band 5 iii. 20% band 4
2.2 Sijil Pelajaran Malaysia(SPM)	i. Gred Purata Sekolah mencapai 2.60 ii. 40% pelajar cemerlang 'straight A' iii. 90% pelajar mencapai kelulusan dengan gred minimum B dalam semua mata pelajaran iv. 35% Gred A bagi setiap mata pelajaran
2.3 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia(STPM)	i. Sekurang-kurangnya 95% pelajar lulus dalam semua mata pelajaran dengan gred C ii. 10 % pelajar cemerlang (4 Principal A) iii. 100% pelajar lulus dalam sekurang-kurangnya satu mata pelajaran di peringkat prinsipal iv. Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) mencapai 3.25
3.0 KURIKULUM (PEPERIKSAAN DALAMAN)	
3.0 Tingkatan 1 dan 2	i. 20% band 6 ii. 50% band 5 iii. 30% band 4
3.2 Tingkatan 4	i. 80% pelajar mencapai kelulusan dengan gred minimum B dalam semua mata pelajaran. ii. Peningkatan GPS pada akhir tahun ialah 3.0 iii. 20 % pelajar pelajar cemerlang 'Straight A' iv. 100% pelajar lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah
3.3 Pra U	i. 100% pelajar lulus dalam sekurang-kurangnya satu mata pelajaran di peringkat prinsipal ii. 50% pelajar lulus dalam semua mata pelajaran dengan Prinsipal C iii. Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) mencapai 2.75
4.0 PENGURUSAN KURIKULUM	
4.1 Pengurusan Panitia	i. Menjalankan program yang telah dirancang bagi tahun 2014 dengan pemantauan Audit Dalaman oleh Guru Kanan dan Ketua Panitia 2 kali setahun. ii. Penambahan kursus atau latihan perkembangan staf untuk meningkatkan profesionalisme sumber manusia (minimum 4 kali)

BIDANG	SASARAN
4.2 Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran.	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua akur kepada Panduan Piawaian Standard Tinggi Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) dan Akta Pendidikan. ii. Semua guru dicerap P & P di dalam bilik darjah sekurang-kurangnya 2 kali setahun. iii. Penyeliaan buku nota/ latihan pelajar sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Menghabiskan Sukatan pelajaran bagi semua mata pelajaran selewat-lewatnya Julai (Tingkatan 3), Ogos (Tingkatan 5) dan bulan September bagi kelas bukan peperiksaan. Pra Universiti mengikut jadual semester iv. Semua pelajar kelas peperiksaan mendapat pendedahan teknik menjawab soalan menerusi ceramah dan bengkel.
5.0 PENGURUSAN HAL EHWAL MURID	
5.1 Disiplin Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> i. Amaran ponteng kali ke-3 pada tahap sifar ii. Datang lewat ke sekolah pada tahap sifar iii. Kes salah laku berat pada tahap sifar iv. Vandalisme Sifar v. Kelakuan pelajar MEMUASKAN pada tahap sifar.
6.1 Keselamatan Dan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Keselamatan pelajar di sekolah pada tahap 100% ii. Kesihatan pelajar di sekolah dipantau 100%.
7.0 PENGURUSAN KOKURIKULUM	
7.1 Pengurusan Kegiatan korikulum	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyertaan 100% dalam kesemua tiga aspek gerko iaitu sukan dan permainan, kelab dan persatuan dan badan beruniform. ii. 1 Murid 1 Sukan (1M1S)
6.2 Sukan pada Peringkat MSSD, MSSJ, MSSM	
a. Balapan dan Padang	Johan Daerah
b. Bola sepak (B15/16/18)	Johan Daerah, Negeri
c. Ragbi (B15/16/18)	Johan Daerah
d. Hoki (B15/16/18)	Johan Daerah, Negeri, Kebangsaan
e. Bola Keranjang	Johan Daerah
f. Bola Tampar	Johan Daerah
g. Renang	Johan Daerah dan Negeri
h. Ping Pong	Johan Daerah
i. Badminton	Johan Daerah, Negeri, Kebangsaan, Antarabangsa
j. Golf	Johan Daerah dan Negeri
k. Tenis (B15/18)	Johan Daerah, Negeri, Kebangsaan
l. Squas	Johan Daerah
m. Memanah	Johan Daerah dan Negeri
n. Merentas Desa	Johan Daerah dan Negeri
o. Boling	Johan Daerah dan Negeri
p. Sepak takraw	Johan Daerah
q. Bola Baling	Johan Daerah
r. Softball	Johan Daerah dan Negeri
6.3 Penyertaan Kokurikulum Akademik	
a. Computer Skills	Gold Medal, High Distinction at International Level
b. English Skill	Johan Daerah, Negeri dan Kebangsaan
c. Science Skills	Johan Daerah, Negeri dan Kebangsaan
d. Matematik Skills	Johan Daerah, Negeri dan Kebangsaan
e. Kebudayaan (Melayu)	Johan Daerah, Negeri dan Kebangsaan
f. Kebudayaan (Cina)	Johan Daerah, Negeri dan Kebangsaan
g. Kebudayaan (India)	Johan Daerah
h. Kuiz Fizik & Kimia	Johan Daerah, Negeri dan Kebangsaan
i. Multimedia	Johan Daerah
j. Seni Visual	Johan Daerah dan Negeri
k. Rekacipta & projek sains	Johan Daerah dan Negeri
l. BBM Sains & Matematik	Johan Daerah dan Negeri

BIDANG	SASARAN
m. Kawad kaki NGO	Johan Daerah dan Negeri